

NO. SOALAN: 47

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG [KLUANG]

TARIKH : 3 NOVEMBER 2015

RUJUKAN : 8244

SOALAN:

Tuan Liew Chin Tong [Kluang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan perbandingan perhimpunan Bersih 4 dan Perhimpunan Baju Merah mengikut:-

- (a) kos atur gerak dan jumlah anggota polis diatur gerak; dan
- (b) kos dan jumlah air penggunaan meriam air, jumlah kos rawatan anggota polis yang tercedera semasa menyuraikan peserta himpunan baju merah di Jalan Petaling.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), selaras dengan penganjuran perhimpunan BERSIH 4 pada 29 dan 30 Ogos 2015 dan Himpunan Rakyat Bersatu pada 16 September 2015, pihak polis telah membuat persiapan rapi bagi mengawal perhimpunan tersebut agar tidak menimbulkan sebarang kekacauan dengan menggerakkan keanggotaannya untuk mengawal situasi perhimpunan tersebut.

Bagi Perhimpunan BERSIH 4, pihak polis telah menggerakkan seramai 191 orang pegawai dan 2,419 orang anggota lain-lain pangkat bagi mengawal sepanjang dua (2) hari perhimpunan tersebut. Kos keseluruhan yang digunapakai adalah sebanyak RM2,737,440.00.

Bagi Himpunan Rakyat Bersatu pada 16 September 2015, seramai 263 orang pegawai dan 3,648 orang anggota lain-lain pangkat telah terlibat secara langsung bagi mengawal perhimpunan tersebut dan kos keseluruhan adalah sebanyak RM4,500,927.50.

Bagi kedua-dua penugasan yang terlibat, PDRM telah menggunakan semua elemen di dalam PDRM yang terdiri daripada keanggotaan IPD Dang Wangi, Cawangan Trafik,

Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Pasukan Gerakan Am (PGA), Pasukan Simpanan Persekutuan (PSP) dan Cawangan K9 JSJ serta lain-lain elemen. Kesemua elemen-elemen ini adalah di bawah kawal selia Ketua Polis Kuala Lumpur.

Bagi menjawab soalan (b), bagi penugasan Himpunan Rakyat Bersatu pada 16 September 2015, lebih kurang 2,400 liter air telah digunakan oleh Pasukan Simpanan Persekutuan semasa menyuraikan peserta perhimpunan yang enggan beredar di Jalan Petaling dan seramai empat (4) orang anggota telah mengalami kecederaan semasa menjalankan tugas. Tiada kos yang ditanggung kerana anggota yang cedera menerima rawatan di Hospital Kerajaan.